

SOALAN NO. 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pengundi baru yang telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sejak tahun 2013-2016 berdasarkan tahun dan negeri; dan
- (b) sebab-sebab SPR tidak lagi bercadang untuk melantik penolong pendaftar pemilih dari parti politik.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dari tahun 2013 hingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 798,641 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada kajian terhadap kaedah-kaedah dan prosedur pendaftaran, bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan urusan pendaftaran pemilih, SPR berpandangan bahawa tiada keperluan untuk meneruskan pelantikan baru Penolong Pendaftar Pemilih dalam kalangan wakil parti politik pada masa ini.

Oleh yang demikian, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR, Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.